

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 38 TAHUN 2005**

---

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI TANAH**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk mengubah skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah bersetuju supaya skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32 yang sedang berkuat kuasa diubah selaras dengan hasrat untuk memantapkan lagi pengurusan tanah negara serta meningkatkan peluang kemajuan kerjaya kepada pegawai dalam perkhidmatan ini. Berikutan keputusan tersebut, skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah diubah dari segi syarat lantikan dan ditambah dengan satu lapisan gred kenaikan pangkat.

## **SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH**

3. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32 yang baru adalah seperti berikut:-

(a) gred jawatan adalah NT17, NT22, NT31/32, NT36; dan

(c) syarat lantikan di gred NT17 adalah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut.

4. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang baru adalah seperti di **Lampiran A**. Format iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan tersebut serta penghuraian tugas adalah seperti di **Lampiran B** dan **C**. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 adalah seperti di **Lampiran D** hingga **D4**.

5. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini semua lantikan sebagai Penolong Pegawai Tanah hendaklah menggunakan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

### **TARIKH KUAT KUASA**

6. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 yang baru ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2006**.


## **PEMBATALAN**

7. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam pekeliling perkhidmatan ini. Semua pelantikan mulai 1 Januari 2006 hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baru. Perubahan skim perkhidmatan ini tidak melibatkan penyandang sedia ada.

## **PEMAKAIAN**

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' SRI ISMAIL ADAM)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

22 Disember 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## LAMPIRAN A

### SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JANUARI 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks					
<b>Gred NT17</b>	:	P1T1	RM656.30	-	P1T24	RM1721.10
		P2T1	RM697.44	-	P2T24	RM1817.90
		P3T1	RM739.79	-	P3T24	RM1918.33
<b>Gred NT22</b>	:	P1T1	RM1532.34	-	P1T12	RM2270.44
		P2T1	RM1646.08	-	P2T12	RM2507.60
<b>Gred NT31</b>	:	P1T1	RM1930.43	-	P1T13	RM2874.23
		P2T1	RM2012.71	-	P2T13	RM3000.07
		P3T1	RM2098.62	-	P3T13	RM3129.54
<b>Gred NT32</b>	:	P1T1	RM1930.43	-	P1T13	RM2874.23
		P2T1	RM2098.62	-	P2T13	RM3129.54
<b>Gred NT36</b>	:	P1T1	RM2401.12	-	P1T11	RM3551.83
		P2T1	RM2569.31	-	P2T11	RM3929.35

#### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT17: P1T1); atau  
(ii) sijil dalam bidang perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT17: P1T6); atau  
(iii) sijil dalam bidang kejuruteraan (ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT17: P1T9);

dan (d) keujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**LANTIKAN TERUS  
KE GRED NT31**

2. Calon adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT31 jika memenuhi syarat-syarat berikut:-
  - (a) (i) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (ii) diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - (b) mempunyai pengalaman selama tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang berkaitan; dan
  - (c) keujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred NT17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Penolong Pegawai Tanah yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Penolong Pegawai Tanah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

6. Penolong Pegawai Tanah dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Penolong Pegawai Tanah yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

9. Penolong Pegawai Tanah hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED NT22**

10. Penolong Pegawai Tanah Gred NT17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED NT32**

11. Penolong Pegawai Tanah Gred NT22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT32 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED NT36**

12. Penolong Pegawai Tanah Gred NT31/32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT36 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PEGAWAI TADBIR**

12. Penolong Pegawai Tanah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

## LAMPIRAN B

### IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Tanah  
(b) Kementerian/Jabatan : -  
(c) Kumpulan : Sokongan  
Perkhidmatan  
(d) Klasifikasi : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan  
Perkhidmatan
  
2. Jadual Gaji : Gaji Matriks

Gred NT17	:	P1T1 RM656.30	-	P1T24 RM1721.10
		P2T1 RM697.44		- P2T24 RM1817.90
		P3T1 RM739.79		- P3T24 RM1918.33
Gred NT22	:	P1T1 RM1532.34	-	P1T12 RM2270.44
		P2T1 RM1646.08		- P2T12 RM2507.60
Gred NT31	:	P1T1 RM1930.43	-	P1T13 RM2874.23
		P2T1 RM2012.71		- P2T13 RM3000.07
		P3T1 RM2098.62		- P3T13 RM3129.54
Gred NT32	:	P1T1 RM1930.43	-	P1T13 RM2874.23
		P2T1 RM2098.62		- P2T13 RM3129.54
Gred NT36	:	P1T1 RM2401.12	-	P1T11 RM3551.83
		P2T1 RM2569.31		- P2T11 RM3929.35
  
3. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

#### KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED NT17

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT17: P1T1); atau
- (ii) sijil dalam bidang perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT17: P1T6); atau
- (iii) sijil dalam bidang kejuruteraan (ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT17: P1T9);

#### KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED NT31

- (d) (i) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (ii) diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (e) mempunyai pengalaman selama tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang berkaitan; dan



dan (f) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh ketua jabatan/perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.

**PENGHURAIAN TUGAS PENOLONG PEGAWAI TANAH**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/ 32, NT36

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Pejabat-pejabat Tanah dan Galian Negeri/Wilayah Persekutuan dan Pejabat-pejabat Tanah Daerah di Negeri-negeri Semenanjung.

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan tanah di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan pentadbiran tanah yang meliputi aspek-aspek pendaftaran tanah, pelupusan tanah, hasil tanah, pembangunan tanah (pengambilan balik tanah, pesaka kecil, ukur tanah, penguatkuasaan tanah, dan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan tanah yang ditentukan dari semasa ke semasa).

**4. BIDANG TUGAS**

4.1 Secara amnya bidang tugas Penolong Pegawai Tanah adalah seperti berikut:

**4.1.1 Bidang Tugas Penolong Pegawai Tanah Gred NT36**

- i. mengawas pelaksanaan kerja-kerja Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/ 32;
- ii. menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan;
- iii. membantu menyediakan kertas Memorandum Jemaah Menteri;
- iv. menyediakan afidavit dan hadir di mahkamah;
- v. menjalankan tugas penguatkuasaan dan pegawai pendakwa di mahkamah di bawah Seksyen 425 dan 426 Kanun Tanah Negara;
- vi. menghadiri mesyuarat jawatankuasa pembangunan tanah/ pemantauan tanah kerajaan/ tanah persekutuan;
- vii. memberi taklimat berhubung tanah-tanah persekutuan dan pengambilan tanah; dan

viii. lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

#### **4.1.2 Bidang Tugas Penolong Pegawai Tanah Gred NT31/ 32**

i. Pembangunan Tanah (Pengambilan Balik Tanah)

- (a) menerima dan memproses permohonan pengambilan balik tanah untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi kerajaan;
- (b) menyemak laporan-laporan tanah yang dibuat oleh Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22 dan menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan;
- (c) melaksanakan perbicaraan (*hearing*); dan
- (d) menghadiri perbicaraan di Mahkamah Tinggi.

ii. Kerja-kerja Penempatan dan Penyelesaian

- (a) mengawas pelaksanaan kerja-kerja penempatan dan kerja-kerja Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22 dan menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan; dan
- (b) memperakukan kepada Pemungut Hasil Tanah untuk pengesahan pelan-pelan yang disediakan oleh Jabatan Ukur bagi penempatan terakhir.

iii. Permohonan-permohonan Tanah, Lesen Pendudukan Sementara dan Permit

- (a) memproses permohonan-permohonan;
- (b) menyemak laporan-laporan tanah yang disediakan oleh Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22 dan Pelukis Pelan Rendah;
- (c) menyemak laporan-laporan dari jabatan-jabatan yang ada kaitan; dan
- (d) menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan.

iv. Pendaftaran Hakmilik dan Urusan Tanah

- (a) dilantik sebagai Penolong Pendaftar Hakmilik untuk mendaftar hakmilik-hakmilik dan urusan-urusan tanah;
- (b) mengemaskini dan mengawasi semua rekod pendaftaran dan hakmilik tanah;

(c) menyempurnakan perbicaraan kes-kes gadaian yang tidak ditebus; dan

(d) menyempurnakan pelepasan tanah yang telah digadai.

v. Penguatkuasaan

(a) bertanggungjawab dalam hal-hal penyiasatan bagi mencegah pencabulan tanah-tanah kerajaan dan pelanggaran-pelanggaran syarat;

(b) menyediakan *charge sheet* dan *case precis*; dan

(c) mengambil bahagian dalam perbicaraan.

vi. Tugas-tugas Lain

(a) menjadi ahli Lembaga Tender bagi tanah-tanah yang hendak dipajakan;

(b) menilai dan juga mengkaji nilai harga tanah yang dibuat oleh Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22;

(c) mewakili Pemungut Hasil Tanah dalam perancangan tanah bandar dan desa, jika diperlukan; dan

(d) lain-lain tugas yang diarahkan.

#### **4.1.3 Bidang Tugas Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22**

i. Membuat laporan yang lengkap dan memperenggan tanah (ukur tanah) bagi maksud perkara-perkara berikut:

(a) permohonan tanah dan permit bahan batu;

(b) permohonan lesen melombong dan permit carigali;

(c) Permohonan pecah sempadan/bahagian/penyatuan tanah;

(d) Permohonan tukar syarat;

(e) Pengambilan balik tanah;

(f) Permohonan hak lalu lalang;

(g) Pencerobohan tanah kerajaan/simpanan/lombong;

- (h) Pelanggaran syarat tanah; dan
  - (i) Rancangan projek kerajaan.
- ii. Menjalankan kerja-kerja penempatan mengenai perkara-perkara berikut:
- (a) permohonan tanah yang diluluskan untuk pertanian, bangunan dan perusahaan;
  - (b) tanah-tanah kerajaan yang diluluskan untuk perkampungan kawasan-kawasan dalam rancangan tanah berkelompok (GSA); dan
  - (c) menempatkan mangsa-mangsa bencana alam di tempat-tempat selamat mengikut arahan Pegawai Daerah atau Kerajaan Negeri.
- iii. Menjalankan kerja-kerja penyelesaian ke atas perkara-perkara berikut:
- (a) tanah yang telah diukur oleh Jabatan Ukur untuk milik, pajakan dan simpanan;
  - (b) tanah yang telah diukur oleh Jabatan Ukur untuk rancangan perkampungan dan penempatan setinggan;
  - (c) tanah yang telah diukur dalam urusan pengambilan tanah 1960;
  - (d) tanah yang telah diukur berkaitan dengan pecah sempadan/pecah bahagian/penyatuan tanah; dan
  - (e) tanah yang telah diukur semula bersabit dengan kehilangan batu sempadan/ tanah yang telah diukur bersabit dengan hak lalu lalang.
- iv. Menjalankan kerja-kerja penyelesaian ke atas perkara-perkara berikut:
- (a) penulisan hakmilik sementara;
  - (b) penyediaan draf hakmilik pendaftaran;
  - (c) penyediaan permohonan ukur bagi tanah-tanah yang telah diluluskan pelupusan, pecah sempadan/pecah bahagian/penyatuan tanah dan telah diambil balik sebahagiannya;
  - (d) penulisan hakmilik tetap;

- (e) penulisan hakmilik sambungan/ pindaan hasil;
- v. Menyimpan dan mengemaskinikan rekod-rekod di Pejabat Tanah seperti:
- (a) penyelesaian;
  - (b) fahrasat pejabat tanah dan fahrasat lot;
  - (c) permohonan ukur;
  - (d) pemerenggan;
  - (e) *plotting tracing*;
  - (f) daftar tanah simpanan;
  - (g) daftar syarat-syarat tanah;
  - (h) syit-syit pelan akui;
  - (i) permohonan hakmilik; dan
  - (j) rekod kes-kes tangkapan.
- vi. Menjalankan kerja-kerja penilaian berhubung dengan:
- (a) urusan tanah untuk cukai setem bagi Akta Pembahagian Pesaka;
  - (b) gantirugi untuk pengambilan tanah;
  - (c) permohonan tukar syarat;
  - (d) tanaman-tanaman dan perkakas yang telah dirampas bersabit dengan Seksyen 425 dan 426;
  - (e) pampasan mengenai hak lalu lalang pemungut dan izin lalu;
  - (f) pampasan bersabit dengan bencana alam;
  - (g) permohonan tanah bagi maksud premium;
  - (h) lelong tanah;
  - (i) pampasan berkaitan dengan kerosakan tanah ketika kerja ukur dijalankan; dan

- (j) menjalankan lain-lain tugas yang berkaitan seperti yang diarahkan.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### **Luaran**

- (i) Orang awam;
- (ii) Jabatan/agensi kerajaan yang lain; dan
- (iii) Syarikat swasta.

### **Dalaman**

- (i) Rakan sekerja di pejabat/bahagian/unit yang sama; dan
- (ii) Pegawai dan kakitangan dalam organisasi yang sama.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

## **7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)**

Mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai undang-undang tanah dan tugas-tugas teknikal ukur tanah.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- (i) Bersih, cekap dan amanah;
- (ii) Jujur;
- (iii) Bertanggungjawab; dan
- (iv) Berminat dan berdedikasi.

## **9. ANCAMAN/BAHAYA**

- (i) Penyelewengan;
- (ii) Terdedah pada unsur rasuah; dan
- (iii) Kepentingan diri.

JADUAL GAJI SISTEM SARAAAN MALAYSIA BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : NT17

II. GRED GAJI KOMPUTER SSM : NT17000

III. TARIKH KUAT KUASA : 1.1.2006

JADUAL GAJI SSM : NT17

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24
P1	656.30	696.23	736.16	776.09	816.02	855.95	895.88	935.81	975.74	1015.67	1055.60	1095.53	1135.46	1186.70	1241.94	1295.18	1348.42	1401.66	1454.90	1508.14	1561.38	1614.62	1667.86	1721.10
P2	697.44	738.58	779.72	820.86	862.00	903.14	944.28	985.42	1026.56	1067.70	1108.84	1149.98	1205.64	1261.30	1316.96	1372.62	1428.28	1483.94	1539.60	1595.26	1650.92	1706.58	1762.24	1817.90
P3	739.79	782.14	824.49	866.84	909.19	951.54	993.89	1036.24	1078.59	1120.94	1163.29	1221.37	1279.45	1337.53	1395.61	1453.69	1511.77	1569.85	1627.93	1686.01	1744.09	1802.17	1860.25	1918.33



JADUAL GAJI SISTEM SARAAAN MALAYSIA BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

SOKONGAN

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI SSM : NT22
- II. GRED GAJI KOMPUTER SSM : NT22000
- III. TARIKH KUAT KUASA : 1.1.2006

JADUAL GAJI SSM : NT22

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12
P1	1532.34	1585.58	1638.82	1692.06	1745.30	1798.54	1877.19	1955.84	2034.49	2113.14	2191.79	2270.44
P2	1646.08	1704.16	1762.24	1820.32	1906.23	1992.14	2078.05	2163.96	2249.87	2335.78	2421.69	2507.60

LAMPIRAN D2

JADUAL GAJI SISTEM SARAAAN MALAYSIA BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : NT31

II. GRED GAJI KOMPUTER SSM : NT31000

III. TARIKH KUAT KUASA : 1.1.2006

JADUAL GAJI SSM : NT31

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13
P1	1930.43	2009.08	2087.73	2166.38	2245.03	2323.68	2402.33	2480.98	2559.63	2638.28	2716.93	2795.58	2874.23
P2	2012.71	2094.99	2177.27	2259.55	2341.83	2424.11	2506.39	2588.67	2670.95	2753.23	2835.51	2917.79	3000.07
P3	2098.62	2184.53	2270.44	2356.35	2442.26	2528.17	2614.08	2699.99	2785.90	2871.81	2957.72	3043.63	3129.54

**LAMPIRAN D3**

**JADUAL GAJI SISTEM SARAAAN MALAYSIA GAJI BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

**SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

**I. GRED GAJI SSM : NT32**

**II. GRED GAJI KOMPUTER SSM : NT32000**

**III. TARIKH KUAT KUASA : 1.1.2006**

**JADUAL GAJI SSM : NT32**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13
<b>P1</b>	1930.43	2009.08	2087.73	2166.38	2245.03	2323.68	2402.33	2480.98	2559.63	2638.28	2716.93	2795.58	2874.23
<b>P2</b>	2098.62	2184.53	2270.44	2356.35	2442.26	2528.17	2614.08	2699.99	2785.90	2871.81	2957.72	3043.63	3129.54

LAMPIRAN D4

JADUAL GAJI SISTEM SARAAAN MALAYSIA BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : NT36

II. GRED GAJI KOMPUTER SSM : NT36000

III. TARIKH KUAT KUASA : 1.1.2006

JADUAL GAJI SSM : NT36

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11
P1	2401.12	2479.77	2558.42	2637.07	2767.75	2898.43	3029.11	3159.79	3290.47	3421.15	3551.83
P2	2569.31	2655.22	2796.79	2938.36	3079.93	3221.50	3363.07	3504.64	3646.21	3787.78	3929.35